



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**KERATAN AKHBAR
03 JULAI 2019 (RABU)**



**DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**



KERATAN AKHBAR 03 JULAI 2019 (RABU)



AKHBAR	Berita Harian
TAJUK BERITA	Laporan siap minggu depan
MUKA SURAT	7

Pencemaran bau di Sungai Semenyih

Laporan siap minggu depan

SPAN mulakan siasatan, panggil pihak bertanggungjawab beri keterangan

Nilai: Laporan penuh berhubung siasatan insiden pencemaran Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih, dijangka siap sepuhnya minggu depan.

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Charles Anthony Santiago, berkata laporan itu kemudian akan diserahkan kepada Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli Dr Xavier Jayakumar, untuk tindakan lanjut.

"Siasatan sudah dimulakan dan hari ini (semalam) kita panggil pihak bertanggungjawab yang dipercayai menyebabkan pencemaran, untuk dapatkan keterangan dan saya percaya kerajaan negeri Selangor juga turut menjalankan proses yang sama.

"Laporan penuh dijangka siap

minggu hadapan," katanya ketika ditemui pada persidangan Federalisme di Malaysia: Mentakrif Semula Hubungan Persekutuan-Negeri di Malaysia di sini, semalam.


Beliau berkata, apa yang penting adalah memastikan pihak bertanggungjawab diheret ke muka pengadilan dan dikenakan tindakan undang-undang sewajarnya.

"Apa yang utama, mereka terabit mestи diheret ke mahkamah kalau dikesan ada melakukan kesalahan, sebab ini (pencemaran) turut berlaku di tempat lain.

"Kalau kerajaan tidak bertindak dengan serius dan cekap, maka ia memberikan satu gambaran kepada orang lain bahawa mereka boleh buat apa sahaja, kerana kononnya tiada tindakan daripada kerajaan," katanya.

Ahad lalu, Xavier mengarahkan SPAN menyiasat insiden pencemaran LRA Sungai Semenyih, bagi mengetahui punca sebenar kejadian selain mengesan pihak yang bertanggungjawab terhadap insiden tersebut.

Pada 26 Jun lalu, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dalam satu kenyataan memaklumkan, LRA Sungai Semenyih di-



Charles Anthony Santiago

arah henti tugas susulan pencemaran bau dipercayai dari sebuah kilang memproses sawit yang telah diarah tutup untuk siasatan.

Insiden pencemaran bau itu menyebabkan 512 kawasan membatik 377,141 pelanggan berdaftar di daerah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang, terkesan dengan gangguan bekalan air dan tekanan rendah secara berperingkat.

LRA Sungai Semenyih beroperasi semula pada jam 6 pagi, 27 Jun lalu.




Keratan akhbar BH 27 Jun lalu.



KERATAN AKHBAR 03 JULAI 2019 (RABU)



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	Rahsia bocor, MPSJ serbu enam premis kosong
MUKA SURAT	61



Antara premis perniagaan milik warga asing yang diubah suai disita dalam operasi bersepadu MPSJ di sekitar kawasan Serdang.

Rahsia bocor, MPSJ serbu enam premis kosong

Bangunan
disyaki
diuruskan
pendatang asing
tetap disita

Oleh Fazrik Kamarudin
bhnews@bh.com.my

Serdang: Enam premis perniagaan haram milik warga asing didapati 'kosong' dan tidak beroperasi ketika serbuan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) di kawasan sekitar Serdang Jaya, di sini, semalam.

Serbuan menerusi Operasi Bersepadu Menangani Isu Aktiviti Perniagaan di Premis Kediaman oleh Warga Asing itu dipercayai 'bocor' dan dapat dihindu pengusaha premis, yang bertindak mengunci premis mereka.

Bagaimanapun, penguat kuasa MPSJ tetap bertindak menyita dan menampal notis arahan tutup terhadap keenam-enam premis perniagaan, yang disyaki dijalankan pendatang asing warga Bangladesh dan Indonesia.

Dua premis terbabit dipercayai menjalankan perniagaan kedai makan, manakala selebihnya adalah kedai runcit, kedai gunting rambut dan kedai menjual barang basah seperti ikan.

Timbalan Yang Dipertua MPSJ,

Mohd Zulkurnain Che Ali, berkata enam premis itu antara 14 premis perniagaan haram warga asing yang diambil tindakan penguatkuasaan dalam Operasi Bersepadu MPSJ.

Katanya, sebelum ini penguat kuasa MPSJ yang menjalankan pemantauan mengenal pasti kewujudan premis perniagaan diusahakan warga asing berdasarkan aduan orang awam dan penduduk setempat.

"Bagaimanapun, hari ini (semalam) semua premis perniagaan berkewajian didapat tidak beroperasi dan berkunci dari luar.

"Susulan itu, kita menampal notis arahan tutup serta menyita pintu premis terbabit," katanya ketika ditemui di lokasi operasi.

Mohd Zulkurnain berkata MPSJ memberi tempoh 30 hari kepada pemilik premis mengosong serta menutup operasi perniagaan warga asing berkenaan.

"Selepas tempoh itu MPSJ akan mengambil tindakan merampas barang serta merobohkan struktur haram yang dibina warga asing.

"Kemudian, MPSJ akan mengambil tindakan lebih tegas kepada pemilik premis yang masih membenarkan warga asing jalan-jalan perniagaan secara haram.

"Ia kerana, perniagaan haram warga asing yang tidak berlesen dan tidak bercukai ini memberi kerugian kepada negara berikut hasilnya tidak dapat dipungut," katanya.



KERATAN AKHBAR 03 JULAI 2019 (RABU)



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	Selangor , Pusat masih berunding
MUKA SURAT	61

Kadar baharu tarif air di Selangor

Selangor, Pusat masih berunding

Shah Alam: Kerajaan Selangor masih berunding dengan Kerajaan Persekutuan berhubung kadar baharu tarif air di negeri itu, kata Menteri Besar, Amirudin Shari.

Beliau berkata, rundingan itu mengambil sedikit masa kerana kerajaan negeri mahu memastikan kenaikan tarif air tidak membebankan rakyat, terutama golongan berpendapatan rendah.

"Bagi pihak Kerajaan Selangor, kita sendiri ada kemukakan beberapa cadangan (kepada Kerajaan Persekutuan). Kita mahu

pastikan kelompok tertentu tidak terjejas dengan kadar baharu tarif air ini.

"Kita tidak akan bersetuju dengan kadar baharu tarif air jika ia membebankan rakyat.

"Namun, dalam masa sama kita kena pastikan juga kewangan kerajaan negeri tidak terbeban," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas menghadiri Majlis Aidilfitri Invest Selangor Berhad di sini, semalam.

Amirudin berkata, kadar tarif air wajar disemak selepas sekian lama kekal pada kadar sama.

"Bukan di Selangor sahaja kadar tarif air (tidak disemak), tetapi di negeri lain sudah ber puluh tahun tiada kenaikan tarif air.

"Tarif air yang sudah lama tidak disemak akan mengganggu kestabilan kewangan negeri," katanya.

Pada 12 April lalu, Amirudin dilaporkan berkata, kadar baharu tarif air di Selangor akan diumumkan pada Jun atau bulan ini.

Sebelum ini, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr A Xavier Jayakumar berkata, ka-

dar tarif air di seluruh negara akan dinaikkan secara berperingkat-peringkat tahun ini, selaras dengan usaha kerajaan untuk menstruktur semula industri perkhidmatan bekalan air.

Beliau berkata, kenaikan tarif air perlu dilaksanakan bagi menjaga kepentingan pengguna untuk mendapatkan air berkualiti serta menjamin industri itu dari sudut perkhidmatan.

Katanya, perundingan untuk menaikkan tarif air perlu dilakukan kerana kadar berkenaan tidak pernah disemak dalam tempoh 20 tahun.



KERATAN AKHBAR 03 JULAI 2019 (RABU)



AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	Bacaan yasin, tahlil sempena ulang tahun MPAJ ke-27
MUKA SURAT	47



BACAAN YASIN, TAHLIL SEMPENA ULANG TAHUN MPAJ KE-27

SERAMAI 800 kakitangan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mengadakan bacaan yasin dan tahlil sempena sambutan Ulang Tahun MPAJ Ke-27 di Galeri MPAJ pagi kelmarin.

MAJLIS turut dihadiri Yang Dipertua (YDP) MPAJ, Datuk Abd. Hamid Hussain, Timbalan YDP, Hasrolnizam Shaari, Ahli-ahli majlis, pengarah jabatan dan kakitangan MPAJ.

Abd. Hamid berkata, majlis turut diadakan bagi memohon keberkatan dan diper mudahkan dalam memberi perkhidmatan terbaik dan cemerlang kepada setiap warga di bawah pentadbiran pihak berkuasa

tempatan itu.

"Ucapan terima kasih juga kepada kakitangan yang selama ini melaksanakan tugas, tanggungjawab dan amanah dengan baik serta berintegriti," katanya dalam majlis tersebut.

■ ABD. HAMID HUSSAIN (sembilan dari kanan, barisan hadapan) bersama Ahli-ahli Majlis, pengarah jabatan dan kakitangan selepas majlis bacaan yasin dan tahlil sempena sambutan ulang tahun ke-27 MPAJ di Ampang Jaya, Selangor baru-baru ini.



KERATAN AKHBAR 03 JULAI 2019 (RABU)



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	Stamp fair
MUKA SURAT	2

STAMP FAIR

Philatelic Society of Malaysia will be organising a stamp fair on July 6 and 7 at the MBPJ Community Library in Section 3, Petaling Jaya, from 9.30am to 5.30pm. There will be a display of competitive philatelic exhibits and others. Stamp dealers with Malaysia/Malaya, foreign and thematic stamps, first day covers and other philatelic items will be present. Entrance is free. For details, call 012-604 3563 (Maniam) or 012-679 7931 (Wong).



KERATAN AKHBAR 03 JULAI 2019 (RABU)



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	Illegal extensions at shops torn down in Aman Puri
MUKA SURAT	4

By FARID WAHAB
and IKHWAN RAIFUDIN
metro@thestar.com.my

OWNERS of shops and restaurants with illegal structures, beware. Selayang Municipal Council (MPS) is set to demolish those built without its approval.

Yesterday, several shops and restaurants in Jalan Desa 2/1 Aman Puri had parts of their premises torn down by 60 enforcement officers despatched by MPS.

MPS Corporate Department spokesman Mohd Zikri Zulkifli said the illegal structures had extended into parking lots, taking up several bays meant for visitors.

He added that some structures obstructed the traffic flow, while others completely closed off drains and prevented proper maintenance from being carried out, causing hygiene and cleanliness issues.

"A two-week notice was issued on May 3 against 29 shops notifying the owners to tear down any structure that was built without approval from MPS.

"We even extended the notice period due to Ramadan and Hari Raya to give the owners more time to demolish the structures," he said.

Mohd Zikri added that yesterday's operation was the first phase and that the effort would be expanded to cover the surrounding areas in stages.

"A compound of up to RM500 can also be issued towards errant shopowners should they fail to comply," he said.

MPS Zone 23 councillor Ng Wei Keong said the exercise was part of the council's ongoing effort to clear up the commercial areas under its jurisdiction.

Illegal extensions at shops torn down in Aman Puri

MPS removes structures obstructing parking bays and traffic flow



Ng (in white shirt) and enforcement officers advising a man to move away from the path of an excavator used to demolish the illegal structures.

"We issued the first notice in January to shopowners to tear down their illegal structures.

"Any proposed structure must have approval from the council and must observe the proper guidelines," said Ng.

The operation in Aman Puri was met with some opposition from

business owners.

Subaashini Munusamy, whose father's restaurant awning and a wall were demolished, expressed her dissatisfaction with the council's action.

"My father has run this restaurant for 20 years. Today, the council came to destroy the business he

had worked hard to build.

"My father was hospitalised for an operation and had requested for an extension on the notice. The council should have taken that into consideration," she said, adding that she was considering legal action against the council.

Another business operator, who

declined to be identified, accused the council of practising double standards in enforcing regulations.

"There are many other businesses in the area which also have illegal structures taking up parking spots. MPS should enforce its regulations in all the areas and not single out this area," he said.



KERATAN AKHBAR 03 JULAI 2019 (RABU)



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	Dengue spike in USJ and Subang Jaya areas
MUKA SURAT	4

Dengue spike in USJ and Subang Jaya areas

DENGUE cases are on the rise in several areas in USJ and Subang Jaya.

Subang Jaya assemblyman Michelle Ng said eight dengue cases were reported in 21 days.

"Up until June this year, 84 cases in Jalan USJ 2/4 and 28 cases in Jalan USJ 2/5 were reported. We have decided to go door-to-door in the evenings in the hope that residents are at home and can be informed about the rise in cases.

"The common breeding spots are the catchment areas for dishwashers and washing machines, gutters, flower pots and satellite dishes," Ng told a press conference before leading a visit around Jalan USJ 2/4 with representatives from Subang Jaya Municipal Council's (MPSJ) Health Department, MPSJ Zone 6 Residents' Committee members and Petaling District Health Office personnel to raise awareness among residents.

She added that the situation could become an "uncontrollable epidemic" if mosquito breeding grounds were not eliminated.

During the walkabout, some residents expressed shock that mosquito breeding spots were found in their seemingly tidy homes.

MPSJ Zone 4 councillor Kamarul Hisham Yeop Hashim said despite having *gotong-royong* activities, the number of dengue cases were on the rise.

"The exception has been Angsana (Pangsapuri Angsana USJ 1) which was previously a hotspot but is now in the clear because the rubbish col-

lection issue in the area has been sorted," he said.

MPSJ health director Dr Roslan Mohamed Hussin said residents can be fined RM500 for each breeding spot found in their property.

He stressed that fogging alone would not solve the problem.

"Mosquitoes may become resistant to fogging and in turn affect humans," he said.

Dr Roslan urged residents to form "dengue squads".

"Squad members will have two tasks; to ensure that their house and surroundings are clean and free from mosquito-breeding spots, and to seek medical treatment immediately if they develop any symptom."

"We have a campaign where you just need to spend 10 minutes a week to ensure that your house is free from breeding spots."

Meanwhile, residents in Jalan SS15/2 and Jalan SS15/3 held a *gotong-royong* in the neighbourhood.

SS15/2-SS15/3 Rukun Tetangga chairman Michael Sundram said the clean-up exercise was organised to eliminate the threat of dengue in the area, where one death has been reported.

"According to MPSJ, the SS15 area has the most number of dengue cases in Subang Jaya.

"We hope to get as many residents to participate in this event to get rid of the Aedes mosquitoes' breeding grounds in stagnant water in gardens and clogged drains," he added. — By OH ING YEEN



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	Cepat katup kedai
MUKA SURAT	28

Cepat katup kedai

■ MPSJ tampal notis arahan tutup di premis niaga warga asing



ANTARA premis perniagaan milik warga asing yang disita dalam operasi bersepadu MPSJ.

sah dan kedai runcit milik warga Bangladesh dan Indonesia didapati tutup selain berkunci dari luar.

Berikut itu, MPSJ menyita dan menampal notis arahan tutup di pintu premis berkenaan yang kebiasaan beroperasi jam 7 pagi hingga 12 tengah malam setiap hari.

Timbalan Yang Dipertua MPSJ, Mohd Zulkurnain Che Ali berkata, enam premis itu antara 14 premis perniagaan haram warga asing yang diambil tindakan penguatkuasaan dalam Operasi Bersepadu MPSJ.

Katanya, sebelum ini ang-

gota penguat kuasa yang menjalankan pemantauan mengenal pasti kewujudan premis perniagaan yang diusahakan warga asing terbabit berdasarkan aduan awam.

"Namun, semua premis perniagaan berkenaan didapati tidak beroperasi dan berkunci dari luar dalam serbuan hari ini (semalam).

"Susulan itu, kami menampal notis arahan tutup serta menyita pintu premis berkenaan," katanya ketika ditemui di lokasi serbuan, di sini.

Menurutnya, MPSJ memberi tempoh 30 hari kepada pemilik premis mengosong dan menutup operasi per-

niagaan warga asing terbabit.

Katanya, pihak berkuasa tempatan (PBT) itu akan mengambil tindakan merampas barang serta merobohkan struktur haram yang dibina warga asing berkeadaan selepas berakhir temoh berkenaan.

"Tindakan tegas akan diambil MPSJ terhadap pemilik premis yang membenarkan warga asing menjalankan perniagaan secara haram.

"Ini kerana perniagaan warga asing yang tidak berlesen dan tidak bercukai memberi kerugian kepada negara berikutan hasilnya tidak dapat dipungut," katanya.

Mohd Azam Shah Yaacob
am@hmetro.com.my

Serdang H.M (28)

Enam premis perniagaan haram milik warga asing di Serdang Jaya di sini, tidak beroperasi apabila Majlis Perbandaran Sumbang Jaya (MPSJ) melakukan serbuan, semalam.

Sebuah premis terdiri kedai makan, kedai gunting rambut, kedai barang ba-